

BULETIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

EDISI 05:
SEPTEMBER & OKTOBER 2021



BARRACUDA WEBINAR BOOST UP YOUR PERFORMANCE: SELECT THE RIGHT FOOD 2021

02 SEPTEMBER 2021

Pasukan Mendayung Barracuda UTHM dengan kerjasama Pusat Sukan Universiti telah menganjurkan webinar ilmiah bertajuk "Barracuda Webinar Boost Up Your Performance : Select The Right Food" yang telah disampaikan oleh Dr. Mohamed Nashrudin bin Naharudin, Senior lecturer Centre For Sport & Exercise Science, Universiti Malaya. Program ini memberikan fokus kepada gaya pemakanan sihat dalam meningkatkan prestasi atlet. Penekanan pada pemilihan makanan yang betul juga dikongsikan dalam program ini.

UTHM MERFEKA VIRTUAL RIDE & RUN 2021

01 HINGGA 07 SEPTEMBER 2021

Program Anjuran bersama Pejabat Pendaftar dan Pusat sukan UTHM dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Berbasikal :-


KATEGORI STAF UTHM: 20KM / KATEGORI PELAJAR UTHM: 20KM

KATEGORI KOMUNITI: 20 KM / KATEGORI SEKOLAH RENDAH (DARJAH 4- 6): 10 KM /KATEGORI SEKOLAH MENENGAH (TINGKATAN 1 HINGGA 6): 20 KM

Larian:

KATEGORI STAF UTHM: 5 KM / KATEGORI PELAJAR UTHM: 5 KM

KATEGORI KOMUNITI: 5 KM / KATEGORI SEKOLAH RENDAH (DARJAH 4 - 6): 3 KM / KATEGORI SEKOLAH MENENGAH (TINGKATAN 1 HINGGA 6): 5 KM



MAJLIS PERASMIAN PERTANDINGAN MENIMANG BOLA SEPAK TAKRAW TERTUTUP UTHM 2021


04 SEPTEMBER 2021

Majlis Perasmian Pertandingan Menimang Bola Sepak Takraw Tertutup Universiti Tun Hussein Onn Malaysia 2021 Secara Maya telah dirasmikan oleh En. Jasnizam Bin Sami, Pegawai Belia dan Sukan Kanan selaku wakil rasmi Pengarah Pusat Sukan Universiti pada 4 September 2021 (Sabtu) jam 9.00 malam. Turut hadir adalah En. Mohd Hazrin Bin Abd Rahman, Penyelaras Pasukan Sepak Takraw UTHM, pegawai-pegawai Pusat Sukan Universiti, peserta pertandingan, urusetia dan juga alumni sepak takraw UTHM.

PERTANDINGAN MENIMANG BOLA SEPAK TAKRAW TERTUTUP UTHM 2021

04 HINGGA 06 SEPTEMBER 2021

Pertandingan Menimang Bola Sepak Takraw Tertutup Universiti Tun Hussein Onn Malaysia anjuran Pasukan Sepak Takraw UTHM dengan kerjasama Pusat Sukan Universiti telah diadakan dengan jayanya pada 04 hingga 06 September 2021.



HUSSEIN WARRIORS FITNESS TEST 2

03 HINGGA 04 SEPTEMBER 2021

Program "Hussein Warriors Fitness Test 2" telah berlangsung dengan jayanya pada 03 hingga 04 September 2021 melibatkan atlet berprestasi tinggi UTHM daripada Pasukan Silat, Taekwondo, Karate, Futsal Lelaki, Mendayung, Bola Baling Lelaki, Sofbol Lelaki dan Esport. Objektif penganjuran adalah bagi memastikan atlet yang terlibat berada dalam kondisi terbaik sebagai persiapan penyertaan kejohanan sukan utama IPT yang akan berlangsung pada akhir tahun 2021 dan 2022.



AUSC VIRTUAL FIT CHALLENGE

13 HINGGA 20 SEPTEMBER 2021

Pasukan Bola Jaring (Panthera Netball), Pasukan Mendayung (Barracuda) & Pasukan Futsal (Armada) telah membawa nama UTHM dalam AUSC FIT Challenge. Pertandingan kecergasan secara virtual peringkat Asean ini julung kali diadakan sekaligus membawa nama UTHM di peringkat antarabangsa. 3 negara, 23 universiti dan 167 pelajar telah menyertai Cabaran Maya AUSC sempena Hari Sukan Universiti Antarabangsa (IDUS) tahun ini.



BULETIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

EDISI 05:
SEPTEMBER & OKTOBER 2021



SIRI 02 : KEJAYAAN ALUMNI SUKAN BERSAMA CIK MADIHAH MD SALLEH

21 SEPTEMBER 2021

Siri kejayaan sukan pada kali ini menampilkan Cik Madihah Md Saleh yang telah membina karier sebagai seorang jurutera. Beliau merupakan Alumni Sukan UTHM yang pernah mencipta kegemilangan dalam sukan rowing. Selain itu, beliau juga berbakat dalam sukan bola keranjang dan pernah mewakili pasukan di awal pembangunan pasukan bola keranjang UTHM.

WEBINAR BOLA SEPAK UTHM 2021 : PEMBANGUNAN AKAR UMBI BOLA SEPAK

24 SEPTEMBER 2021

Pengurusan Pasukan Bola Sepak Pelajar UTHM (UTHM MACAN) telah menganjurkan program Webinar Bola Sepak UTHM 2021 : Pembangunan Akar Umbi Bola Sepak. Program tersebut telah berlangsung dengan jayanya bersama panel-panel jemputan :

Panel 1 : En. Jazarin Jamaluddin

Bekas Pemain Bola Sepak Johor Darul Takzim

Panel 2 : En. Fazrin Jabar

Jurulatih Pasukan Bola Sepak Pelajar UTHM

Moderator : En. Khairul Amir Hamzah

Pusat Sukan Universiti UTHM



SEMBANG SANTAI : SEPAK TAKRAW IPT

24 SEPTEMBER 2021

Pasukan Sepak Takraw UTHM dengan kerjasama Pusat Sukan Universiti dan Majlis Perwakilan Pelajar UTHM telah menganjurkan Sembang Santai Sepak Takraw IPT: Aku, Kau dan Bola 12 Lubang Sembang santai ini telah mengupas berkaitan senario-senario di gelanggang sepak takraw.

Panel 1: En Razizi , Pegawai Belia dan Sukan UPM, Pengurus Pasukan Sepaktakraw AUG 2022 dan Sepak Takraw League 2020

Panel 2: En. Mohd Zarizan, jurulatih pasukan sepak takraw UTeM dan Bekas Atlet sepak takraw kebangsaan

Panel 3: En. Mohd Hazrin, Pen.Peg.Belia dan Sukan

Panel 4: En Syarudin, Presiden Kelab Masyarakat Bola Rotan

Moderator: Sdr. Faris Abdul Hadi, YDP MPP UTHM 2020/2021 & Mantan Pengurus Pasukan Sepak Takraw UTHM.

PERTANDINGAN MENIMANG BOLA SEPAK TAKRAW UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM) JEMPUTAN MALYSIAN TECHNICAL UNIVERSITY NETWORK (MTUN) 2021 SECARA MAYA

24 HINGGA 26 SEPTEMBER 2021

Pertandingan ini adalah anjuran Pasukan Sepak Takraw UTHM dengan Kerjasama Pusat Sukan Universiti (PSU) & Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTHM. Pertandingan ini telah mendapat penajaan daripada:

1. Masyarakat Bola Rotan (MBR)
2. Roshila Chocolate Malaysia
3. Mizzah Hy Enterprise



KEM HUSSEIN WARRIORS FASA 2

28 SEPTEMBER HINGGA 02 OKTOBER 2021

Kem Hussein Warriors Fasa 2 secara maya telah berlangsung pada 28 Sept - 02 Oktober 2021 melibatkan 9 Pasukan sukan iaitu mendayung, silat, karate, taekwondo, bola baling lelaki, softball lelaki, futsal lelaki, olahraga dan e sports.

PERHIMPUNAN KECERGASAN UTHM 2021 SIRI 5/2021

04 OKTOBER 2021

Perhimpunan Kecergasan UTHM 2021 siri 5/2021 anjuran bersama Pusat Sukan Universiti dan Pejabat Pendaftar telah dijalankan dengan jayanya. Perhimpunan Kecergasan UTHM kali ini adalah bersempena dengan Minggu Haluan Siswa UTHM ini telah di ketuai oleh Coach Roy melalui aplikasi Facebook Unit Pembangunan Modal Insan, Pejabat Pendaftar, UTHM.



BULETIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

EDISI 05:
SEPTEMBER & OKTOBER 2021



KEM FASA 1 ASEAN UNIVERSITY GAMES 2022 SECARA GELEMBUNG SUKAN

21 SEPTEMBER 2021

Tahniah diucapkan kepada 16 orang atlet UTHM yang terlibat dalam Kem Fasa 1 Asean University Games. UTHM Athlete Warrior.

- 3 orang atlet silat
- 10 orang atlet mendayung
- 2 orang atlet futsal
- 1 orang atlet bola sepak

KELAS ONLINE JURUS TUNGGAL BERSAMA HBO

16 HINGGA 31 OKTOBER 2021

Kelas online Jurus Tunggal bersama Cikgu Habizan bin Othman telah berkongsi setiap jurus dengan perincian mengikut urutan kebenarannya (Jurus Tangan Kosong, Parang serta Toya). Program ini adalah anjuran bersama Pusat Sukan Tumpuan (PST) Silat KPT-UTHM, USTA FIGHTER dan Akademi HBO.



KEJOHANAN SUKAN ANTARA KOLEJ KEDIAMAN

20 OKTOBER HINGGA 01 NOVEMBER 2021

Tahniah diucapkan kepada semua kontinjen yang mewakili kolej kediaman masing-masing dalam SUKOL UTHM 2021!

Johan : Pejabat Pelajar Tanpa Asrama


Naib Johan : Kolej Kediaman Pagoh 2

Ketiga : Kolej Kediaman Pagoh 1

Acara yang dipertandingkan:

PUBG Mobile Esport, Mobile Legends Bang Bang, Badminton Trickshot Challenge, Tabata, Jump Rope (Freestyle), Pengacaraan Sukan & Silat Seni (Solo Kreatif) Bola Jaring (Penalty Shoot)

POSTER-POSTER



Passion first and everything will fall into place - Hally Halm